



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2939011
Teleks: HAKIM MA 33548
Fax: 03-2932582

Semua Hakim Kanan
Mahkamah Sesyen

(S2)dlm.JK.MIA.16.1td.011

12 Mei 1998

Semua Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak

Semua Majistret
Mahkamah Majistret

Semua Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak

Semua Pendaftar
Mahkamah Sesyen

Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 2 TAHUN 1998
Pelaksanaan Pekeliling Pendaftar Bil. 6 Tahun 1969:
Kutipan *Conduct Money* bagi Saksi
Anggota Perkhidmatan Awam yang Memberi Keterangan
Bagi Pihak Bukan Kerajaan

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bagi menyelaraskan sistem pembayaran elaun anggota perkhidmatan awam yang disapina untuk memberi keterangan di Mahkamah **bagi pihak bukan kerajaan** di dalam kes sivil, maka dijelaskan di bawah ini cara untuk melaksanakan Pekeliling Pendaftar No. 6 Tahun 1969.

3. Di antara perkara yang perlu diambil tindakan ialah:

3.1 Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar, Majistret, Pendaftar Mahkamah Rendah hendaklah menentukan bahawa bayaran elaun saksi (*conduct money*) dibayar ke dalam hasil Mahkamah dengan mencukupi **SEBELUM** sapina dikeluarkan keatas anggota perkhidmatan awam.

3.2 Cara pengiraan dan penentuan jumlah elaun (*conduct money*) yang hendak dibayar mestilah menurut kelayakan anggota kerajaan berkenaan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1992 yang berkaitan dengan elaun perjalanan, makan dan lojing.

3.3 Untuk memenuhi kehendak para 3.2 di atas pegawai yang mengeluarkan sapina di para 3.1 di atas hendaklah menentukan kumpulan, gred dan jabatan anggota perkhidmatan awam tersebut. Butir-butir ini hendaklah dikemukakan oleh pihak yang memohon sapina.

3.4 Sekiranya perbicaraan berlanjutan dan saksi anggota perkhidmatan awam itu masih diperlukan sedangkan wang elaun (*conduct money*) yang dimasukkan ke Mahkamah telah tidak mencukupi maka pegawai yang mengeluarkan sapina hendaklah mengarahkan pihak yang memohon sapina berkenaan membuat bayaran tambahan mengikut perkiraan di atas.

4. Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar, Majistret dan Pendaftar Mahkamah Rendah hendaklah memastikan bahawa semua syarat-syarat dipenuhi sebelum sapina bagi saksi berkenaan dikeluarkan.

5. Pengesahan kehadiran saksi hendaklah dibuat keatas sapina oleh pegawai yang mengeluarkan sapina atau mana-mana pegawai yang dinyatakan di para 4 di atas yang mana berkaitan selepas perbicaraan atau selepas tempoh saksi berkenaan dilepaskan untuk tujuan tuntutan elaun oleh saksi tersebut dari jabatan beliau.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang memerintah

(DATO' MUHAMMAD IDERES BIN MUHAMMAD RAPEE)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

... yang berhadapan dengan tuntutan undang-undang...
... yang berhadapan dengan tuntutan undang-undang...
... yang berhadapan dengan tuntutan undang-undang...
s.k.

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi
93506 Kuching

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
93506 Kuching



Perpustakaan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

MZA/Ez
pekprmt20

(Signature)
DATO' HAJI...
Kuala Lumpur